

PERKEMBANGAN PEMIKIRAN SASTERA ISLAM DI ALAM MELAYU

Ahmad Nabil Amir

International Institute of Islamic Thought and Civilization
(ISTAC-IIUM), International Islamic University Malaysia (IIUM),
No 24, Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin, Taman Duta, 50480 Kuala Lumpur
nabiller2002@gmail.com

Tasnim Abdul Rahman

Faculty of Islamic Contemporary Studies (FKI),
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA),
Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia
tasnimrahman@unisza.edu.my

ABSTRAK

Makalah ini mengkaji kefahaman tentang sastera Islam, gagasan dan falsafah kesusasteraan yang dibentuknya. Ia menyorot sejarah kemunculannya di Alam Melayu ini dan aliran perkembangannya di abad baru serta tokoh yang memperjuangkannya. Usaha mengetengahkan dan memperkasa sastera Islam telah dipelopori dengan penghasilan karya-karya sastera yang monumental yang berhasil mengetengahkan pemikiran sastera Melayu dan kekuatan Islam yang mencorakkan perspektifnya. Makalah ini turut membahas isu dan tema yang bersangkutan seperti wacana sastera transendental, inklusivisme dan sebagainya. Kaedah kajian ialah berdasarkan metode deskriptif, komparatif dan analitik. Ia membandingkan falsafah-falsafah yang dirumuskan dalam karya sastera yang berhasil dan merumuskan dasar fikiran dan pengaruh yang dicetuskannya. Dapatkan kajian menemui bahawa percambahan pemikiran terkait sastera ini membawa pemahaman yang beragam, disebabkan kerangka dan sudut pandang yang berlainan yang menjadi landas yang mencorakkan penelitian yang dikembangkan. Kajian ini memberi implikasi luas kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang asas dan corak pemikiran sastera yang berpengaruh di Alam Melayu.

Kata kunci: Sastera Islam, Kesusasteraan Rumpun Melayu, Pelestarian Sastera Islam, Wacana Sastera Islam

THE DEVELOPMENT OF PHILOSOPHY OF ISLAMIC ART AND LITERATURE IN THE MALAY ARCHIPELAGO

ABSTRACT

This paper defines the meaning of Islamic literature, the ideal and philosophy it projected. It set forth to survey its historical emergence in the Malay Archipelago and its subsequent development in modern ages and literary exponents that advocates its ideas and framework. The effort to develop and empower Islamic literature has been intensified with accomplished labor to produce unprecedented literary works that advocate Malay literary thought and the impact of Islam that molded its perspective and worldview. This paper will also explore related issues and themes such as the discourse on transcendental literature, inclusivism and et cetera. The method of analysis is based on descriptive, comparative and analytical approaches. It tried to compare various ideas relating to Islamic literature and to formulate the framework and influence it brought in the field. The finding suggests that various notions and ideas of literature brought forth by its proponent was due to their specific worldview that projected their conception of literature. The probable implication of study was in highlighting the basic notion that was influential in coloring the perception of literature in the Malay world.

Keywords: Islamic Literature, Literature in Malay World, Survival of Islamic Literature, Discourse on Islamic Literature

PENGENALAN

Perbincangan tentang sastera Islam di Malaysia banyak digerakkan oleh kesedaran yang dicetuskan pada dekad 70-an tentang kepentingan mengangkat nilai Islam daripada rempuhan faham-faham sekular dan daripada gelombang gerakan kebangkitan Islam dan aktiviti dakwah yang turut menyumbang kepada pemerkasaan sastera Melayu dan Islam, seperti dijelaskan oleh Ungku Maimunah Mohd. Tahir (1994) dalam makalahnya: “salah satu kesan gerakan dakwah Islamiah di Malaysia pada dekad 70-an ialah usaha-usaha untuk merenung kembali definisi sastera menurut paradigma Islam dan menyajarkan sastera Melayu yang selama ini didominasi oleh tradisi sastera Barat menurut perspektif Islam. Ini kemudian membuaikan perkara yang dikenali sebagai Sastera Islam.”

Kesan yang sama turut dirasakan di Indonesia, dengan penyerbuan gagasan pembaharuan Islam yang turut memunculkan fenomena sastera Islam yang pesat dengan ketinggian dan keunggulan karya sasteranya, sebagaimana dirakamkan oleh Mohd Faizal Musa (2012): “dekad 1970an menyaksikan penjelmaan sastera Islam di Indonesia menjadi fenomena. Kerancakan perkembangannya itu antara lain disebabkan oleh kebangkitan Islam di seluruh dunia yang turut memberi kesan kepada umat Islam di negara tersebut. Jelas, dunia sastera tidak terkecuali daripada bahang kebangkitan ini...gejala sastera

Islam ini dapat dikesan menerusi penerbitan karya sastera Islam, aktiviti sastera Islam serta perbahasan mengenai wacana sastera Islam.”

Makalah ini akan cuba menyorot sejarah awal yang dicetuskan dari perkembangan tersebut yang telah membawa kesedaran dan permulaan penting kepada kebangkitan fenomena sastera Islam di Nusantara. Perbahasan dimulakan dengan mengenangkan ide dasar tentang sastera Islam, tokoh-tokoh yang menunjangnya, karya-karya pelopor yang telah menggerakkan dan mengilhamkan kefahaman dan idealismenya dan kesannya yang signifikan dalam penyebaran sastera Islam yang meluas di Alam Melayu.

TAKRIF SASTERA ISLAM

Sastera Islam ditakrifkan dan disimpulkan oleh Shahnon Ahmad (1981) sebagai sastera kerana Allah SWT, berhikmah kepada manusia sejagat. Dari perumusannya ini, Shahnon cuba menekankan bahawa kesusasteraan itu bukan suatu yang kosong dan semberono, tetapi ia terikat dengan nilai-nilai ketuhanan yang mengalirkan hikmah dan kebijaksanaan terhadap kemanusiaan. Inilah tanggungjawab sastera yang harus dizahirkan dalam penulisan dan pengkaryaan sastera. Pandangan ini diperkuuh oleh S. Othman Kelantan (1987) yang mendefinisikannya sebagai satu bentuk kesusasteraan dalam media bahasa khususnya yang bertulis, yang menggambarkan cita-cita keislaman sebagai visi menerapkan pengajaran al-Quran, al-Hadis dan sunnah Rasulullah (saw). Takrifnya ini menzahirkan penghayatan dan penjiwaan terhadap ruh dan cita-cita Islam yang ditimbulkan dalam karya-karya sastera yang mengilhamkan pandangan al-Qur'an dan al-hadith dan aspirasinya yang sebenar. Manakala Kassim Ahmad (1983) pula mengungkapkannya sebagai sastera yang diciptakan oleh manusia dengan menggunakan bahasa dan mengandungi keindahan, kebenaran dan kebaikan mengikut estetika Islam untuk kebaikan manusia. Dari takrif yang singkat ini nyatahal fungsi sastera Islam itu untuk menegaskan kebenaran dan kebaikan yang menimbulkan kesan-kesan keindahan dan nilai-nilai estetika yang mendalam.

Takrif-takrif ini melakarkan konsep asas dari sifat kesusasteraan itu, yang ditegakkan dengan kesedaran tauhid kerana “tanpa tauhid, manusia menjadi kijang yang sesat entah di mana” (Suhaimi Muhammad, 2000:80) melalui pengucapan serta penghasilan karya-karya yang indah, baik, dan tinggi, dalam, “bentuk yang mendorong kepada pengukuhan kebenaran Ilahi.” (Ungku Maimunah, 1994)

Kefahaman yang lebih substantif tentang kesusasteraan Islam ini dilakarkan dengan lebih jelas oleh S. Othman Kelantan, dalam bukunya *Arah Pemikiran Sastera Malaysia*, yang menggariskan bahawa yang dinamakan kesusasteraan Islam itu “antara lain ialah karya-karya, terutama dalam bentuk kreatif, yang menunjukkan kemurnian akhlak, moral, meransangkan manusia untuk berbuat baik, bersyukur kepada nikmat Tuhan dan menyedari kebesaran-Nya memberi kesan yang positif kepada manusia dan menjelaskan sesuatu yang konstruktif. Karya itu dibina dalam bentuk struktur yang baik dan dalam bahasa

yang kreatif dan imaginatif. Keperluan estetika diperlukan dalam kombinasi antara bentuk dan isi.” (Utusan Malaysia, 2008)

Ini memperlihatkan kemurnian nilai estetika yang dipadu dalam sastera Islam, yang tercetus dari kesedaran Tauhid yang tinggi, untuk menegakkan aspirasi moral dan memperkuuh tujuan ketuhanan, seperti dijelaskan oleh Mohd. Kamal Hassan (1981): “dalam perspektif Islam, penghasilan seni dan sastera hendaklah bertujuan, antara lain, meninggikan apresiasi manusia tentang semua nilai-nilai yang baik, murni dan diredaya oleh Allah s.w.t. Dan seni dan sastera yang tinggi nilainya ialah yang boleh mendorong ke arah pencapaian tingkat ketakwaan, kemakrufan, kesalehan, dan budi yang lebih mantap.”

FALSAFAH SASTERA ISLAM

Satu aspek penting dari pemikiran sastera Islam adalah nilai falsafahnya, yang dicorakkan dari pandangan dunia (*weltanschauung*) yang holistik, yang menekankan cita-cita luhur untuk menetapkan akal budi dan adab seperti dihuraikan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas (2001:11) yang menjelaskan bahawa kesusasteraan itu merupakan cita-cita mulia yang bermaksud untuk memupuk ketertiban budi; dia juga merupakan nilai abadi, sebahagian penting kebudayaan sesuatu bangsa, ukuran benar bagi menilai cita-rasa budi, dan daya bangsa, dia merupakan (falsafah) orang awam. Dari keterangannya ini, al-Attas merumuskan kesan-kesan yang penting dari pengaruh sastera itu yang merangkul nilai-nilai besar yang membentuk pandangan hidup dan kebudayaan bangsa, yang memupuk dan menggerakkan akal budi dan menempa keperibadiannya. Suatu nilai yang abadi yang menjadi asas penilaian dan perhatian orang-orang awam.

Nilai falsafah yang tinggi ini timbul daripada keinsafan dan pertimbangan dan perasaan yang tinggi bahawa “keutamaan budi, itulah tujuan yang akhir. Menyingkirkan diri dari kebinatangan, itulah cita-cita yang mulia” (Hamka, 2007). Penilaian yang tinggi terhadap kemuliaan dan ketinggian akal budi yang harus mengikat peri kemanusiaan dan menyelamatkannya daripada keruntuhan dan kerendahan moral. Falsafah yang dinilainya ini berakar dari pandangan semesta yang tulen, yang menjelaskan antara lain, faham adab, estetika dan “agama sebagai ideologi hidup, cita perjuangan” (Hamka, 2005:271) dan ikhtiar menegakkan nilai keindahan, dan kebenaran yang ideal. Sifat sastera itu sendiri, menurut Mohd. Kamal Hassan (1982:23) amat menghargai keindahan. Dari perspektif Islam, nilai-nilai keindahan ini dipandang tinggi, keindahan bentuk dan isi, keindahan bahasa, keindahan perasaan, keindahan gaya dan keindahan mesej, semuanya dianggap penting dalam menilai sesuatu penghasilan dan pengucapan seni. Namun setiap aspek keindahan estetika ini terikat dengan tujuan moral dan kerohanian yang digariskan Islam.

Kekuatan prinsip dan penghayatan estetik inilah yang menetapkan falsafah dan pandangannya terhadap pengalaman seni yang mempertemukan *al-gharad ad-dini* dan *al-gharad al-fanni* yang menzahirkan iltizam dan upaya untuk menetapkan adab dan pandangan alam Islam, seperti diungkapkan oleh Siddiq Fadzil (2012) yang berpandangan bahawa sastera yang tumbuh dalam tamadun Islam memang selamanya berciri *al-adab al-multazim*, sastera yang beriltizam

terhadap pandangan sarwa, ‘aqidah dan nilai-nilai moral keagamaan. Inilah lingkungan yang dibentuk dalam sejarah dan tradisi intelektualnya, untuk menetapkan adab dan falsafah dan menegakkan nilai-nilai akhlak dan moral dari syariatnya.

CIRI-CIRI SASTERA ISLAM

Antara ciri-ciri penting yang membentuk pandangan sastera Islam adalah nilai *ijabiyah* (positif) dan *waqi’iyyah* (realistik), yang mendalami dan menilik sesuatu sebagaimana adanya. Sastera Islami itu jelas berciri *waqi’iyyah*, realistik, “dalam erti melihat apa adanya” (Siddiq Fadzil, 2012). Ia meraikan pandangan yang *haq* dalam menilai dan melukiskan sesuatu hakikat, dengan menekankan peran *al-tawjih* (membimbang) dan *al-ta’dib* (mendidik), dan pengisian ciri-ciri estetik dan prinsip *takamul* dan *taknilahnya*.

Kekuatan prinsip inilah yang melahirkan pandangan kosmologinya yang ampuh yang berakar dari kefahaman nilai yang jelas dalam menggerakkan transformasi kemanusiaan dan revolusi kebudayaan dan kesannya dalam membentuk citra dan perubahan yang dinamik. Ciri-ciri positif dan dinamik ini yang memungkinkannya menggerakkan dan menjalankan fungsi transformatifnya kerana ia berciri positif-dinamik. Dengan kata lain, “ia adalah *al-adab al-muwajjih* atau sastera yang membimbang ke arah yang lebih sempurna dan mulia.” (Siddiq, 2012:141)

Syed Hussein Alatas (2015) dalam tulisannya turut menilik ciri-ciri kesusteraan Islam ini, dan baginya sastera Islam itu ialah sastera yang melukiskan dan menguatkan ajaran-ajaran Islam yang khusus bagi umat Islam dan juga yang umum bagi seluruh kemanusiaan. Selain itu, ia juga adalah sastera yang melukiskan peristiwa-peristiwa alam dan seluruh kejadian dengan hubungannya kepada Tuhan. Di sini ia mempertegas ciri sastera Islam yang bersifat universal yang menzahirkan nilai kesejagatannya yang umum yang menegakkan nilai-nilai kemanusiaan dan hubungannya dengan nilai-nilai ketuhanan yang asli.

TUGAS SASTERA

Fungsi ideal sastera Islam ialah memanifestasikan pengalaman tauhid dan memungkin perubahan “dengan cara dan gayanya yang tersendiri, sastera selalu berfungsi sebagai sumber daya dorong yang kuat ke arah perubahan sosial dan budaya.” (Siddiq, 2012:137). Aspirasi perubahan ini tuntas diperjuangkan dalam penghasilan sastera yang bertujuan menyempurnakan fungsi transformatifnya yakni *taghyir al-waqi’ wa tahsinuhu* yaitu dalam rangka merubah realiti yang ada dan memperbaikinya.

Dalam merealisasikan misinya, untuk membawa pesan yang mendidik dan merubah ini, sastera Islam “tidak sekadar mengungkapkan apa adanya (*what is*) tetapi sekali gus merangsang ke arah apa yang seharusnya (*what ought to be*).” (Siddiq 2012). Idealisme ini diperkuuh dengan pandangan yang dikemukakan oleh Tariq Ramadan (2013) dalam artikelnya ‘Contemporary Islamic Conscience

in Crisis' {Nurani Islam Kontemporari dalam Krisis] yang menyebut "Wanita dan lelaki yang mencerminkan pembaharuan suara hati yang menentang penyahkemanusiaan entiti spiritual mereka, yang menolak untuk menerima dunia sebagaimana adanya, dan yang mempercayakan dan menyerahkan diri mereka kepada pembaharuan dalam hati dan masyarakat mereka, bukan dengan menyesuaikan pada apa yang mereka telah jadi, tetapi dengan merubah mereka dan menuntun mereka pada apa yang mereka harus jadi, dalam kebebasan, maruah dan keamanan."

Justeru dengan ketinggian daya renungnya dan sejarah pula dengan misi kependidikannya sasterawan Muslim menyorot dan menyerlahkan keindahan manusia mulia. Demikian pula sebaliknya, kebijatan manusia diserlahkan dalam pemerian yang menjijikkan. (Siddiq Fadzil, 2012) Ia merakamkannya dengan penuh isyarat dan mesej atas misi "*tahriri tanwiri*" (pembebasan dan pencerahan), "demikianlah, sasterawan Muslim melihat manusia dengan segala kekuatan dan kelemahannya, jatuh dan bangunnya" dan ini semuanya dituangkan dalam ekspresi seni, sebagai intisari yang terpancar dari nuraninya yang sarat dengan rasa keislaman. (Siddiq Fadzil, 2012:141)

Penulisan sastera adalah penting sebagai wadah untuk merealisasi perubahan, yang digerakkan oleh peranan sastera dan karyanya. Penghasilan puisi ini berkait rapat dengan kesedaran tauhid penyair dan usahanya menggunakan puisi sebagai medium dakwah ke arah penyempurnaan tauhid diri dan masyarakat pembaca (Maniyamin, 2005: iv) dan ini ditegakkan melalui pengucapan yang indah dan puitis. Dalam hal ini, bahasa yang baik tidak hanya diukur dari segi ketepatan tatabahasanya atau nilai estetik kesasteraannya, malah dari segi kemampuannya mengungkapkan dan menzhirkan semangat pengagungan Tuhan, serta menjadi wahana pesan-pesan kebaikan (*al-amr bi'l-ma'ruf wa 'nahu 'ani'l-munkar*). (Siddiq, 2012: 134)

Dalam pengalaman sastera, hasil kesusasteraan yang tinggi ini menjadi wahana perubahan dalam peradaban, dan sastera Islam itu sifatnya sendiri adalah membawa misi kependidikan, selaras dengan istilah adab yang merujuk kepada kalimat *mu'addib*. Kalimat ini dalam tamadun Islam dipakai oleh guru yang mengajar putera-puteri khalifah.

Perubahan dan kesedaran ini menjadi amanah yang dipertanggungjawabkan kepada penulis. Pengarang memikul amanah berat dalam kepenggarangannya, lantaran "penulis", dan penulisannya itu sebagai sumbangan yang bermanfaat untuk pembentukan pemetaan kesusasteraan Melayu tanahair sepanjang zaman. Di samping usaha untuk mewujudkan pertalian manusia dengan manusia (*habl min al-nas*) dan manusia dengan Allah (*habl min Allah*) sebagai jaringan dalam menyempurnakan tanggungjawab dan amanah sebagai "penulis" untuk mendidik manusia ke arah kebaikan di muka bumi ini. (Kamariah Kamarudin, 2010).

PERKEMBANGAN SASTERA ISLAM DI ALAM MELAYU

Pembangunan sastera Islam di Alam Melayu telah digerakkan dari pengaruh dakwah dan harakat pengislaman yang meluas antara abad 13-16 M. Gerakan

Islamisasi yang bermula pada abad ke 13 M itu telah membawa perubahan yang penting dalam sejarah kebudayaan Melayu, dengan penyerbuan pengaruh sufi yang berkembang di abad ke 17, dan “menghasilkan pencerahan umat secara meluas dan merata sehingga memecahkan monopoli kepujanggaan istana.” (Siddiq Fadzil, 2012:128).

Ledakan dari gejala Islamisasi ini telah memulakan babak baru dalam sejarah persuratan Melayu-Islam, yang melahirkan umat baru dengan pandangan agama dan kebudayaannya, umat yang melihat segala sesuatu dengan *worldview* tawhidik, menyikapi segala sesuatu berdasarkan etos dan tatanan nilai Islami. (Siddiq Fadzil, 2012: 3) Ini dibuktikan dari pemetaan tamadun dunia Islam yang dilakarkan Malik Bennabi, di mana kedudukan dunia Melayu diiktiraf sebagai sebuah zon tamadun Islam yang berkeperibadian Melayu-Islam (Siddiq Fadzil, 2012).

Dengan pengaliran faham dan pengaruh dari syair sufi yang berkembang di abad ke 17 itu, khazanah kesusasteraan Melayu-Islam banyak terkesan dengan corak pemikiran tasawuf, di mana sepanjang proses penyempurnaan itu sastera terus berhasil dan setiap karya mencerminkan tahap Islamisasi yang dilaluinya. (Siddiq Fadzil, 2012:179). Ini turut ditekankan oleh Mana Sikana (1983), dalam bukunya tentang sejarah perkembangan sastera Islam dan beliau mengakui yang kedatangan Islam secara lebih pesat ke pulau Sumatera ialah melalui jalan sastera tasawuf.

Ia jelas memberi dampak dalam perkembangan pemikiran dan nilai, di mana perkembangan dan perubahan yang dibawanya cukup menentukan, “melibatkan perubahan pandangan sarwa (*weltanschauung*), sistem nilai dan cara hidup keseluruhannya.” (Siddiq Fadzil, 2012:141) Ia turut menjadi katalis kepada transformasi masyarakat melayu daripada “masyarakat estetik kepada saintifik, tradisi lisan kepada budaya tulisan, alam tasyul kepada tamadun ilmu” (Al-Attas, 1990)

Dalam tulisannya tentang ‘nilai kebudayaan dalam bahasa dan kesusasteraan Melayu’ Al-Attas (1975) menekankan pengaruh Islam atas kesusasteraan Melayu ini: “Tiada pernah dimanapun direnungkan bahawa sejarah bahasa dan kesusasteraan Melayu itu harus dirumpunkan sebagai sejarah bahasa dan kebudayaan Islam.” Oleh sebab itulah, menurut beliau, “nilai-nilai saintifik, nilai-nilai rasionalisme yang bersendikan intelektualisme yang dibawa oleh Islam dan yang terdapat dalam struktur bahasa serta isi kesusasteraan Melayu-Indonesia yang telah diperislamkan itu tiada pernah dipertimbangkan dan dibicarakan secara ilmiah.”

Inilah yang tidak diperhatikan dalam kajian-kajian Barat tentang proses kemasukan Islam yang memungkinkan penerobosan pengetahuan saintifik dan rasional ke Alam Melayu. Proses yang berpengaruh dalam menggerakkan harakat bahasa dan kebudayaan di mana agama dan penghayatannya diperluas dan dipertingkatkan, dan harakat dakwah disemarakkan. Di saat ini sastera memainkan peranannya yang utama sebagai sarana dakwah dan pendidikan yang “merakyat dan memasyarakatkan ajaran Islam sehingga berlaku transformasi ketamadunan yang sangat bererti itu” (Siddiq Fadzil, 2012: 141).

Ketinggian sastera Melayu yang terhasil, mendapat sentuhannya, dari karya-karya sufi yang mengalir di Baghdad dan Damsyik, dan tersebar di alam Melayu dari pengaruh ulama dan pujangga Islam seperti Shamsuddin al-Sumatrani, Nuruddin al-Raniri, Abd al-Ra'uf Singkel, Bukhari al-Jauhari, Syeikh Ahmad al-Fatani, Amir Hamzah, Raja Ali Haji, dan Hamzah Fansuri dari Aceh yang menghasilkan *Mi'ratul Mu'minin*, *Syair Perahu*, *Sharab al-'Asyiqin*, dan *Zinatul Muwahhidin*. Ini seperti ditegaskan oleh Abdul Hadi W.M., "sebagai penyair besar dan pencetus syair, Hamzah Fansuri tidak hanya mempengaruhi perkembangan sastra Melayu pada abad ke-17 dan 18 M, tetapi juga sesudahnya." (2012) Perkembangannya turut terkesan dari tradisi kepenyairan Islam di tanah Arab, Parsi, dan Andalus, yang dipelopori oleh Ibnu Arabi, Sadr al-Din al-Qunyawi, Ibrahim Hakki, Lubaid, Jalaluddin al-Rumi, Najm al-Din al-Kubra, Farid al-Din Attar, al-Hallaj, dan Rabiah al-'Adawiyah, yang terkenal dengan karya-karya puitis dan keTuhanannya.

Fenomena ini ditanggapi dengan jelas oleh Braginsky (1993:ix) dalam analisisnya yang mendalam tentang sejarah dan pengaruh tasawuf yang menyebar luas di alam Melayu yang menggerakkan kebangkitan sastera: "sejak akhir abad ke 14 terutama sekali abad ke 16-17, tasawuf selalu memainkan peranan yang sangat penting dalam sejarah, agama dan budaya di kawasan Melayu-Indonesia yang maha luas itu. Cukup dikatakan, bahawa justeru bentuk sufi ternyata bentuk yang paling sesuai dengan mentalitas rakyat-rakyat di dunia kepulauan itu, bagi tersebar khasnya Islam di kalangan mereka. Semangat toleransi yang menjadi kelaziman dalam tasawuf mazhab Ibn Arabi yang agung itu, serta juga kecekapan dan kefasihan mubaligh-mubaligh sufi yang tahu jalanan menuju hati, baik para intelektual dan aristokrat yang terpelajar mahupun rakyat jelata, sangat memperindah bagi masuknya agama Islam ke dalam semua serata masyarakat."

Ini turut membentuk tasawur Islam yang jelas dalam pandangan kosmologi Melayu, di mana "kebangunan kembali Islam ini bererti penyejagatan ilai-nilai agama itu, langkah koreksi terhadap penyimpangan dalam kehidupan dan masyarakat, dan penambahan dimensi kepada realiti atau kewujudan itu sendiri...perubahan pada pendekatan hidup, sekurang-kurangnya dari segi penekanan ataupun pemberatannya, berhubung dengan alam-jagat, atau falsafah hidup. Apabila tasawur Islam membentuk persekitaran atau mendefinisikan keadaan, maka dengan sendirinya pemikiran dan perlakuan individu terlibat menjuruskan kepada pembentukan manusia rabbani dan orde tauhid" (Mohamad Abu Bakar, 2003).

Perkembangan sastera Islam di abad moden mula digerakkan dengan peranan pujangga dan sasterawan dan pengaruh Islam yang pesat pada akhir 30-an. Ini diperkuuh dengan karya-karya sastera yang mengalir dari Indonesia, yang ditulis oleh Hamka, dan wacana penting yang dicetuskan oleh penggiat sastera. Gagasan penting tentang kesusasteraan Islam ini telah dicetuskan oleh Yusof Zaki Yaakob (1986). Pemikiran ini dilanjutkan dalam makalahnya, dan dari beberapa pandangan yang dilontarkan oleh S. Othman Kelantan dalam bukunya *Ruang Perjalanan* yang mengungkapkan idea dan falsafahnya tentang sastera Islam. Diskusinya terus hangat pada 1980 ketika tercetusnya polemik

tentang sastera Islam antara Shahnon Ahmad dan Kassim Ahmad, yang cuba membedah dan membongkar tradisi sastera bernafas Islam dan melihat pengaruh dan impaknya dalam masyarakat.

Dalam waktu yang sama, penghasilan sastera Islam terus dijelmakan dalam pelbagai genre, melalui karya-karya penting Abdul Hadi W.M. (seperti sajak *Tuhan, kita begitu dekat*), Taufiq Ismail, S. Othman Kelantan, Habiburahman El-Shirazy, Suhaimi Muhammad dan A. Samad Said.

Puisi *Al-Amin* yang dihasilkan oleh A.Samad Said setebal 317 halaman telah diangkat sebagai karya agung yang merakamkan nilai yang puitis dan ketinggian ungkapan sastera yang signifikan dan bersejarah. Dalam naratifnya tentang perjalanan hidup Nabi (saw), “tetap diselitkan dengan pesanan-pesanan atau nafas-nafas rohaniah” yang tinggi. Mengulas tentang kekuatan karya ini, penerbitnya mengungkapkan, “dari sisi gaya, puisi *Al-Amin* jelas memenuhi ciri-ciri ‘puisi laris’ yang diadun dengan ciri-ciri ‘puisi naratif’ secara harmoni. Memang terlihat kematangan seorang penyair membentuk urutan tema dan persoalan yang dilatari sejarah perjuangan seorang Nabi besar (saw).” (A. Samad Said, 2001) Ini turut menzhirkan kenyataan tentang daya kreativiti yang tulen dan kesan spiritual yang mendalam yang dizahirkan dari lakaran puisi yang ditampilkan, di mana “puisi ini tidak sahaja menunjukkan perkembangan daya kreativiti dan sensitiviti A. Samad Said terus subur, tetapi juga memberi sumbangan yang amat tinggi nilainya dalam memperkaya khazanah sastera Melayu.”

Dalam komentarnya terhadap karya puitis ini, Muhammad Bukhari Lubis, mengakui kehebatan daya kepenyairan Pak Samad yang menandingi keupayaan pujangga Melayu besar di abad ke 17 dan penghasilannya ini telah memperkuuh tradisi kesusasteraan lama dari warisan Arab, Parsi, dan Turki: “tidak pernah saya lihat dalam kesusasteraan Arab, Parsi dan Turki, puisi keagamaan sebegini panjang”, manakala Baharuddin Ahmad pula menekankan ketinggian nilainya dan sumbangannya dalam penerusan tradisi penulisan dan pemekaran sastera klasik: “selepas gurindam Raja Ali Haji dan puisi Amir Hamzah, tiada usaha yang kukuh dalam genre puisi yang dapat secara kreatif meneruskan tradisi sastera agama.” (2001).

Puisi yang tercipta ini, dalam perkembangan sastera Arab, disebut *al-Madaih al-Nabawiyah* (saw) “sejenis puisi yang disebarluaskan oleh ahli tasawuf sebagai cara mengucapkan rasa cinta dan kasih keagamaan dalam bentuk sastera yang tinggi nilainya. Puisi ini hanya diilhamkan oleh kalbu yang penuh kebenaran dan kejujuran” (Rogayah A. Hamid, 2005: 27).

Puisi *At-Tariq* yang dihasilkan oleh Suhaimi Muhammad, penyair surealis dan mistik akhir abad ke-20, pula memaparkan falsafah kesusasteraan, hal-hal ketuhanan, tasawuf, dan kebatinan. Ia “merealisasikan puisi daripada aliran mistik yang menerapkan falsafah dan pemikiran Islam sebagai titik tolak, inti sari pembicaraan dan penyelesaian” Menurut penilaian yang diberikan, “pembicaraan, analisis dan penyelesaiannya lebih bersifat Islam dalam konteks antarabangsa, moden dan global” (2000).

Puisi ini mengungkapkan kecintaan yang tinggi terhadap *al-Khaliq*, di mana “melalui wujud, Suhaimi telah berjaya mengungkapkan persoalan cinta

martabat tinggi, cinta terhadap *al-Khaliq*, Pencipta segala pencipta. (Dewan Sastera, November 1996). Jaafar Rahim, dalam komentar dan analisisnya terhadap kekuatan sastera yang diungkapkannya memandang puisi ini “mempunyai makna yang amat luas, membicarakan hubungan dirinya dengan Ilahi, hubungan manusia dengan Ilahi dan sifat-sifat ketuhanan.” (Utusan Malaysia, 4 Sept 1996).

Ini selari dengan falsafah sufistik yang digarap dalam pengkaryaan sastera Islam yang mengungkapkan keresahan dan perjuangan insan dalam ranah kehidupannya yang menyeluruh, seperti diungkapkan oleh Haris Effendi Thahar (1982), sarjana, dan pengkritik sastera dari Indonesia, “bahawa keresahan seorang sufi ialah keresahan manusia seluruhnya dengan segala perjuangannya.”

Habiburrahman el Shirazy melalui novelnya *Ayat-Ayat Cinta*, yang telah meraih ‘PENA Award Novel Terpuji Nasional 2005’ dan ‘Anugerah Penghargaan The Most Favorite Book 2005’ telah mengangkat karya Islam ke puncak pencapaian sastera yang terbaik, yang digolongkan dan lingkar novel Islam. Nilai ijтиhad dan nafas Islam yang digarap dalam karya ini dijelaskan oleh Mohd Faizal Musa “sebagai sebuah karya sastera Islam, *Ayat-Ayat Cinta* karangan Habiburrahman el Shirazy memuatkan banyak ajaran Islam. Antara aspek ajaran Islam yang disentuh dalam novel ini adalah konsep ijтиhad.” (2011). Dalam kata pengantar yang ditulisnya, Hadi Susanto, menyifatkan novel ini sebagai “kayu ukur dan pedoman untuk pengarang muda yang mahu berjinak-jinak dengan sastera Islam.” (Mohd Faizal Musa, 2011) Menurutnya, novel ini berhasil menggarap pesan dakwah, tema cinta, latar belakang budaya suatu bangsa dengan menarik, kerananya ia “perlu menjadi acuan terutama bagi penulis yang mahu berjinak-jinak untuk menulis sastera Islami.” (Susanto dalam Shirazy, 2007). A. Samad Said, dalam ulasannya yang jitu dan sangat bermakna, menyifatkannya sebagai “sebuah novel yang sangat memujuk dan menghiburkan...rasanya memang sesekali kisah cinta yang Islami begini sempat disampaikan dengan penuh tertib.”(A. Samad Said dalam Shirazy, 2007).

Novel *Imam*, yang dihasilkan oleh sasterawan negara Abdullah Hussain dan telah meraih Hadiah Novel Nasional 92/94, turut diiktiraf sebagai karya sastera Islam yang penting. ‘Imam’ dikerjakan selama tiga tahun enam bulan semasa beliau bertugas di DBP Brunei, sebagai pegawai kontrak yang turut memperlihatkan sikap dan pemikirannya yang terbuka dan moden. Ia memaparkan tentang perjuangan dan kebangkitan seorang Imam (Imam Mihad) di Kampung Anggerik Desa. Dalam usahanya menganjurkan pembaharuan, beliau bangkit melakukan revolusi mental, memperbetul kepincangan, dan menekankan kepentingan mendalam i ilmu. Prof. Rahman Shaari dalam kertas kerjanya ‘Kamar Hati dan Kamar Akal dalam Imam’ merumuskan bahawa novel ini memamerkan keindahan nilai estetika Islam dengan pewarnaan tempatan: “novel ‘Imam’ menepati novel yang berada dalam lingkungan sastera Islam yang buat masa ini kurang diperkatakan. Saya berpendapat Abdullah Hussain ketika menghasilkan novel ‘Imam’ berada di tingkat kesedaran bahawa beliau mesti menghasilkan karya yang memuatkan asas estetika dalam Islam” (Talib Samat, 1998).

Karya yang menyentuh pelbagai aspek keagamaan dan sejarah ini, cuba mengetengahkan nilai pembaharuan yang digerakkan oleh kaum muda dengan mengangkat idealisme dan mencanangkan ijтиhad. Ia menggembung pemahaman asas tentang gagasan pembaharuan dan tajdid dan berusaha menangani ikhtilaf mazhab dengan pandangan *fiqh* yang luas dan landasan hukum dan *maqasid* syariat. Tulisannya turut menyentuh isu perpecahan masyarakat Islam yang berlaku hampir di semua negara Islam kini, “yang dilanda kemelut perpecahan, perebutan jawatan, intrik, harta (kebendaan) dan keruntuhan moral yang terjadi di mana-mana negara Islam.” Ia turut menzahirkan kritikan keras terhadap kesempitan faham kaum konservatif yang terbelenggu dengan taklid dan pemahaman agama yang beku dan sikap yang permisif dan tunduk kepada telunjuk pemerintah. Tulisannya memperlihatkan sikap yang sinis terhadap “golongan imam dan agama yang menulis teks-teks khutbah Jumaat yang setengah-setengahnya tidak berpijak di bumi nyata, terlalu melebihkan golongan raja dan memuliakannya tidak bertempat,” dengan mesejnya agar mereka turun padang melihat sendiri permasalahan masyarakat dan umat Islam (Talib Samat, 1998: 147-150).

KHATIMAH

Dari perbincangan ringkas di atas, kita telah melihat dengan jelas kekuatan nilai dan perspektif khusus yang membentuk pandangan sastera Islam, seperti unsur tauhid, moral, ihsan, kebenaran, keindahan, nilai mistik, sufisme dan sebagainya. Pandangan dan idealisme yang tinggi ini telah mewarnai sastera Melayu dan membentuk falsafah dunianya yang dinamis. Usaha penyebaran sastera Islam dan penerapan pengaruhnya ke rantau ini haruslah ditingkatkan bagi membangun nilai dan keperibadian Islam yang kental dan melanjutkan pengaruhnya yang ekstensif dalam tradisi pemikiran dan persuratan Melayu dan warisan kebudayaannya, terutamanya nilai-nilai inklusivisme dan transcendentalnya. Kita haruslah memperjuang dan mengangkat martabat sastera dan mempertahankan khazanah kesusteraan Melayu-Islam dan mengetengahkan sumbangannya yang signifikan dan penting dalam menggerakkan kesedaran dan kebangkitan sastera dan “menyingkapkan tabir bagi angkatan muda buat selanjutnya menyelami sastra Islam yang sangat luas itu.” (Hamka, 1966: 4).

RUJUKAN

- A. Samad Said. (2001). *Al-Amin: Riwayat Hidup Rasulullah s.a.w. dalam Puisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Abdul Hadi W.M. (2012, Sept 7). *Jejak Sang Sufi: Hamzah Fansuri dan Syair-Syair Tasawwufnya*. Diakses dari <http://jalantelawi.com/2012/09/jejak-sang-sufi-hamzah-fansuri-dan-syair-syair-tasawwufnya/>.
- Abdul Aziz Itar. (2008, Ogos 10). *S.Othman dan Sastera Islam*. Utusan Malaysia, t.h.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1975/76). “Nilai Kebudayaan dalam Bahasa dan Kesusteraan Melayu”, *Jernal Jihad*, 64-72.

- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1990). *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (2001). *Risalah Untuk Kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam.
- Habiburrahman el Shirazy. (2007). *Ayat-Ayat Cinta*. Kuala Lumpur: Ar Risalah Product.
- Hamka. (1966). *Lembaga Hikmat*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Hamka. (2005). *Dari Hati ke Hati: Bercakap Soal Agama, Sosial-Budaya & Politik*. Jakarta: Pustaka Panjimas.
- Hamka. (2007). *Lembaga Budi: Perhiasan Insan Cemerlang*. Shah Alam: Pustaka Dini.
- Haris Effendi Thahar. (20 Okt, 1982). *Harian Singgalang*, Indonesia.
- Kamariah Kamaruddin, Pabiyah Hj Maming, Che Radiah Mezah. (2009). *Karya-Karya Sastera Berunsur Islam Sebagai Teras Ketamadunan Dunia Masa Hadapan*. Dalam Prosiding Seminar Antarabangsa Ketamadunan Islam Pertama (ISCIS I) bertemakan “Islam Teras Ketamadunan Dunia Masa Hadapan” Edisi Pendidikan, anjuran Jabatan Persidangan, Kolej Islam Darul Ridzuan.
- Kamariah Kamarudin. (2010). Antara Komersialisme dengan Intelektualisme dalam Novel *Getaran Rindu*. *Jurnal Pengajian Melayu*, 20 (1), 99-118.
- Kassim Ahmad. (April 1983). “Soal Definisi dan Penilaian”. *Dewan Sastera*.
- Kassim Ahmad. 1987. “Menuju Sebuah Teori Sastera Islam: Jawapan Kepada Shahnon Ahmad.” Dalam Kassim Ahmad dan Shahnon Ahmad (pnyt.). *Polemik Sastera Islam*, hlm. 17-27. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mafaz Mujahid Mustafa. (2004). Criteria for Islamic Literature and Literary Criticism. *'Ulum Islamiyyah*, 3 (1), 67-91.
- Mana Sikana. (1983). *Sastera Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbitan Sarjana.
- Mana Sikana. (2009). Wajah Sastera Melayu Singapura Selepas Perpisahan dengan Malaysia. *Sari*, 27 (2), 27-57.
- Maniyamin bin Hajji Ibrahim. (2005). *Citra Takmilah: Analisis Terhadap Kumpulan Puisi Islam*. Shah Alam: Karisma Publications.
- Mohamad Abu Bakar. (2003). Kosmologi Melayu dalam Konteks Kebangkitan Semula Islam Kini: Suatu Refleksi. *Jurnal Usuluddin*, 8, 199-208.
- Mohd. Affandi Hassan. (1990, Januari-Jun). Pendidikan Estetika daripada Pendekatan Tauhid I-IV. *Dewan Sastera*, hh. 31-35.
- Mohd Faizal Musa. (2011). Persoalan Ijtihad dalam Novel *Ayat-Ayat Cinta*. *Alayasastra Jurnal Ilmiah Kesusasteraan*, 7 (1), 1-15.
- Mohd Faizal Musa. (2011). Wacana Sastera Transendental. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 13 (2), 29-40.
- Mohd Faizal Musa. (2012). Fenomena Sastera Islam di Indonesia. *International Journal of the Malay World and Civilization (Iman)*, 30 (1), 41-53.
- Mohd Faizal Musa. (2013). *Mohd Affandi Hassan: Pengarang Berwibawa Negeri Kelantan*. Dalam Abdullah Zakaria Ghazali, Zuliskandar Ramli

- (ed.), Warisan Kelantan XXXII (hh. 175-193). Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Mohd. Kamal Hassan. (1981). Konsep Keindahan dalam Islam dan Hubungannya dengan Seni dan Sastera: Suatu Pandangan Umum. *Islamiyyat*, 3, 39-50.
- Mohd. Kamal Hassan. (1982). Beberapa Catatan Mengenai Kriteria-kriteria Estetika dalam Seni dan Sastera. *Dewan Sastera*, Nov, 19-24.
- Mohd Zaidi Ismail, Wan Suhaimi Wan Abdullah (ed.). (2012). *Adab dan Peradaban: Karya Pengi’tirafan untuk Syed Muhammad Naquib al-Attas*. Kuala Lumpur: MPH Publishing.
- Mohd. Zariat Abdul Rani. (2007). Sastera Berpaksikan Tauhid: Penerokaan Terhadap Gagasan Persuratan Baru oleh Mohd. Affandi Hassan – Bahagian III. *Jurnal YADIM* (9).
- Mohd. Zariat Abdul Rani. (2008). “Karya Mithali Sastera Islam”?: Satu Penilaian Kritis Terhadap Novel *TIVI* karya Shahnon Ahmad. *Islamiyyat* (30), 29-55.
- Mustafa Mohd Isa. (1999). *Sastera Melayu Klasik Bercorak Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Rahmah Ahmad H. Osman. (2007). Islamic Literature and *Sastera Islami*: A Conceptual Comparison. *Intellectual Discourse*, 14 (1), 71-87.
- Rahmah Ahmad H. Osman, Mohd Shahrizal Nasir. (2011). Sastera Islam: Satu Perbandingan Antara Pandangan Mohd. Affandi Hassan Dengan Abu al-Hasan ‘Ali al-Nadwi. *Jurnal e-Utama*, 3, 1-40.
- Rogayah A. Hamid, Wahyunah Abd. Sani (penyelenggara). (2005). *Pandangan Semesta Melayu: Syair*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Shafie Abu Bakar. (1983, Jun). Sastera Islam: Perkembangannya di Malaysia. *Dewan Sastera*, hh. 10-16.
- S. Othman Kelantan. 1987. *Arah Pemikiran Sastera Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shahnon Ahmad. 1981. *Kesusasteraan Dan Etika Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd..
- Siddiq Fadzil. (2012). *Islam dan Melayu: Martabat Umat dan Daulat Rakyat*. Selangor: Akademi Kajian Ketamadunan.
- Simposium Serantau Sastera Islam. (1996). Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Suhaimi Muhammad. (2000). *At-Tariq: Kumpulan Puisi Mistik dan Kerohanian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Syed Hussein Alatas (2015). *Kita dengan Islam Tumbuh Tiada Berbuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Talib Samat. (1998). *Islam di Antara Percikan Sastera dan Budaya*. Batu Caves: Thinker’s Library.
- Tariq Ramadan. (2013, April 1). *Contemporary Islamic Conscience in Crisis*. Gulf News, diakses dari <http://gulfnews.com/opinions/columnists/contemporary-islamic-conscience-in-crisis-1.1165490>.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. (1994). Morality and Salvation in Malaysia’s Islamic Literature of the 1970s and ‘80s. *Akademika* 45 (Julai), 79-97.

- Vladimir Braginsky. (1993). *Tasawwuf dan Sastera Melayu: Kajian dan Teks-Teks*. Jakarta: RUE.
- Wan Mohd. Shaghir Abdullah. (1998). *Hadiqatul Azhar war Rayahin: Asas Teori Takmilah Sastera Melayu-Islam*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Zulkarnain Mohamed. (2011). Pendekatan *Ta'amul-taklif* dalam Kajian Sastera. *Sari* 29 (1), 137-152.